

TAHAP KEBERKESANAN LAGU *SI PINTAR* DAN *SI MANIS* DAN *KURA-KURA* TERHADAP KANAK-KANAK (THE EFFECTIVENESS OF *SI PINTAR* AND *SI MANIS* AND *KURA-KURA* SONGS TOWARDS CHILDREN)

SITI NOOR RIHA SULONG* DAN NORMALIZA ABD RAHIM

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.

*Corresponding author: sitinerihasulong@yahoo.com

Abstrak: Sastra merupakan satu bidang seni kreatif yang medium pengantarnya adalah bahasa. Karya sastra juga mengungkapkan unsur akaliah yang sifatnya indah. Lantaran itu, lagu rakyat merupakan khazanah yang bernilai kepada sesebuah negara. Setiap pengolahan lagu rakyat tersebut sudah pasti memberi impak yang besar kepada masyarakat yang hidup di negara tersebut khususnya golongan kanak-kanak. Oleh hal yang demikian, lagu rakyat ini secara tidak langsung selayaknya mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam kalangan masyarakat khususnya kepada kanak-kanak. Ini kerana lagu rakyat yang dihasilkan bukan sahaja memberikan hiburan semata-mata malah setiap pengolahan menerusi jalan cerita yang disampaikan menerusi karya-karya sastra tersebut mampu memberi pengajaran yang berguna kepada kanak-kanak. Oleh yang demikian, kajian ini akan membuktikan bahawa lagu rakyat yang diperoleh pada hari ini banyak memberi kepentingan dan fungsinya kepada kanak-kanak dalam setiap penghasilan lagu-lagu rakyat tersebut.

Kata kunci: Karya sastra, lagu rakyat, keberkesanan, kanak-kanak.

Abstract: Literature is a form of creative art delivered through language. Literary work also reveals the element of serenity that is considered as beautiful. Therefore, the folk songs are valuable treasures to a country. As such, this folk song is indirectly worthy of interest which is unique among the people, especially to children. This is because the folk song produced not only provides entertainment alone but also, each processing through the story line delivered is able to provide useful lessons to children. By that, this study will prove that the folk songs consist of importance and functions of education towards children in every way.

Keywords: Literary works, folk song, effectiveness, children.

Pengenalan

Sastra terhasil daripada kesedaran dan keinginan pengarang atau masyarakatnya untuk berkongsi maklumat dan hal-hal yang berkaitan dengan kehidupannya. Mereka menggunakan sumber daripada persekitaran, pengalaman, pemerhatian atau pembacaannya untuk menengahkan sesuatu yang menarik untuk dikongsi. Lantaran itu sesebuah karya sastra tidak dihasilkan dengan kekosongan atau tanpa sebab sebagaimana yang dijelaskan oleh Mohamad Mokhtar Hassan (2005). Beliau berpendapat bahawa teks atau karya sastra adalah rakaman imaginasi pengarang yang di dalamnya sarat dengan maklumat dan isian sama ada bersifat keintelektualan mahupun

kerohanian. Sesuatu yang dipaparkan dalam karya tersebut mempunyai tujuan dan fungsinya yang tersendiri berdasarkan pertimbangan dan pengamatan pengarangnya. Dalam konteks ini, Muhammad Haji Salleh (2000) berpendapat bahawa peranan dan fungsi sastra zaman tradisional lebih luas dan pelbagai cabarannya. Beliau berpandangan bahawa fungsi kesusasteraan pramoden ternyata lebih besar berbanding dengan fungsinya pada zaman moden agak menipis. Oleh hal yang demikian, lagu-lagu yang berunsurkan cerita rakyat mempunyai kepentingan dan pelbagai fungsi yang amat bermakna dalam menyampaikan amanat, mesej, nilai pendidikan dan sebagainya. Walaupun cerita rakyat adalah merupakan salah satu cerita yang bersifat umum,

namun ia juga sesuai untuk peringkat umur kanak-kanak. Dalam meneliti kajian mengenai lagu-lagu yang berunsurkan cerita rakyat, pengenalan serba sedikit berkenaan cerita disebalik lagu-lagu rakyat dapat memberi pemahaman dan juga pengertian yang berguna kepada pembaca secara amnya. Lagu rakyat merupakan lagu yang berkembang pada masyarakat tertentu yang perkembangannya secara lisan daripada mulut ke mulut dan dianggap sebagai milik bersama. Hal ini sejajar dengan pendapat yang dikemukakan oleh Djamaris (1993) bahawa lagu rakyat adalah sesuatu genre lagu yang hidup dan berkembang secara turun temurun dari satu generasi ke generasi berikutnya. Ia dikatakan sebagai lagu yang menceritakan tentang cerita rakyat kerana cerita ini hidup dalam kalangan masyarakat. Normaliza Abd Rahim (2014a) menyatakan bahawa cerita rakyat diolah semula bagi tujuan penyebaran cerita yang dimulakan sejak turun-temurun. Menurut Danandjaja (1984), lagu dalam cerita rakyat merupakan bahagian lisan, yakni tergolong sastera lisan yang dapat menggambarkan peristiwa kehidupan dan kebudayaan masyarakat pendukungnya. Dalam rangka mendalami pendalaman dan penghayatan kita terhadap lagu-lagu rakyat, maka perlu diadakan kajian tentang kepentingan dan fungsi yang terdapat dalam lagu cerita rakyat untuk menambah dan memperkembangkan minat terhadap sastera rakyat dalam kalangan masyarakat khususnya kanak-kanak. Oleh hal yang demikian, setiap impian, cita-cita dan matlamat yang ingin dicapai itu sudah pasti mempunyai objektifnya secara tepat dan konkrit. Pada hakikatnya, setiap objektif yang dirangkumkan itu sudah sewajarnya menjadi landasan penting untuk memastikan setiap perancangan atau misi itu berjaya dicapai dengan sempurna. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti kepentingan lagu *Si Pintar* dan lagu *Si Manis dan Kura-kura* kepada golongan kanak-kanak dan seterusnya menganalisis kepentingan dua buah lagu berkenaan kepada golongan kanak-kanak khususnya. Dua buah lagu ini merupakan lagu yang diperolehi melalui kompilasi album lirik lagu *Pekaka Bercerita* karya Normaliza Abd

Rahim, 2014. Cerita lipur lara khususnya dalam bentuk visual merupakan salah satu daripada khazanah keintelektualan Melayu yang terus mendapat tempat dalam kesusasteraan tanah air (Mohamad Zuber Ismail & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2015). Hal ini turut dibicarakan oleh Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abd Halim & Roslina Mamat (2014) yang menjelaskan bahawa dengan menggunakan kecanggihan teknologi semasa seperti dengan bantuan banyak bentuk grafik dalam mengetengahkan sastera rakyat ini secara tidak langsung telah berjaya menarik hati pendengar khususnya golongan kanak-kanak untuk meneliti mesej-mesej yang cuba disampaikan oleh pengarang dengan lebih berkesan. Kenyataan ini dilihat hampir sama dengan hasil kajian Normaliza Abd Rahim (2014a) yang menyebut bahawa penyampaian sastera lisan yang berbentuk komprehensif ke bentuk yang lebih efektif ini secara tidak langsung telah menyebabkan khazanah Melayu lama ini tidak terus diabaikan. Bahkan, kaedah ini juga membolehkan pertambahan jumlah golongan sasaran kerana kaedah kerana ianya relevan untuk diterima pakai oleh semua lapisan masyarakat.

Metodologi Kajian

Batasan kajian merupakan suatu perkara yang menjadi pegangan untuk merancang strategi sebelum melakukan suatu kajian. Oleh itu, setiap kajian yang dijalankan sewajarnya mempunyai batasan kajian yang sistematik dan mapan bagi menghasilkan suatu kajian berkualiti. Batasan kajian ini meliputi beberapa aspek penting, iaitu sampel, instrumen, lokasi, prosedur dan teori yang digunakan dalam merancang serta menghasilkan kajian dengan sempurna.

Kajian ini merujuk kepada dua buah lirik lagu, iaitu lagu *Si Pintar* dan juga lagu *Si Manis dan Si Kura-kura* yang ditulis oleh Normaliza Abd Rahim, 2014. Album ini telah diterbitkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dan cetakan pertamanya ialah pada tahun 2014. Album *Pekaka Bercerita* ini mempunyai 20 lirik lagu kesemuanya. Namun, kajian ini hanya memfokuskan kepada dua buah lirik sahaja,

iaitu lirik lagu *Si Pintar* dan *Si Manis dan Kura-kura*.

Penyelidik menggunakan teori Pengkaedahan Melayu untuk memantapkan kajian ini. Teori ini mula diketengahkan oleh Hashim Awang (1989). Teori ini berdasarkan realiti kehidupan dan persekitaran bangsa penglahir karya. Melalui Teori Pengkaedahan Melayu ini, Hashim Awang (2002) membahagikan kepada dua, iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Kedua-duanya mempunyai cabang-cabang yang dikenali sebagai pendekatan. Pengkaedahan Alamiah terdiri daripada Pendekatan Firasat, Pendekatan Gunaan dan Pendekatan Moral manakala melalui Pengkaedahan Keagamaan menyenaraikan Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni. Pengkaedahan Alamiah berteraskan corak hidup yang menjadikan alam sebahagian daripada diri dan kehidupannya. Masyarakat Melayu menjalani kehidupan dengan berpola kepada pergerakan dan pengisian alam seolah-olah sebagai sebahagian daripada diri dan kehidupan mereka. Alam dijadikan faktor utama untuk memberikan pekerjaan, pengalaman, pengajaran dan kebaikan. Manakala, Pengkaedahan Keagamaan pula merujuk kepada pendekatan yang bersandarkan keimanan dan bersendikan akidah agama Islam. Sumber yang paling utama dijadikan ialah al-Quran dan hadis. Sumber pembentukannya pula bersandarkan kepada tujuan untuk menonjolkan sifat-sifat keagungan Allah SWT dan mempertingkatkan ketakwaan terhadap-Nya. Oleh itu, Teori Pengkaedahan Melayu adalah berasaskan kepada kenyataan atau *reality* yang wujud dalam masyarakat, terutamanya situasi kehidupan dan kebudayaan dan kepercayaan keagamaan. Semua unsur dan pendekatan teori ini ternyata memiliki kekuatan dan keistimewaan tersendiri yang dapat digunakan atau diterapkan terhadap karya-karya sastra Melayu khususnya dalam kegaitan-kegiatan pengkajian dan kritikan kesusasteraan.

Keputusan dan Perbincangan

Lirik lagu berfungsi sebagai medium untuk mendidik kanak-kanak. Kreativiti dan daya

fikir seorang penulis akan menghasilkan sesebuah karya sastra yang mempunyai tujuan tertentu khususnya dengan penghasilan dan pengolahan lirik lagu kepada golongan kanak-kanak. Fenomena yang diketengahkan dalam lirik lagu wujud seiring dengan pengalaman, pemerhatian, dan peristiwa semasa yang dilalui oleh masyarakatnya. Semua yang dipaparkan itu adalah rakaman dan cetusan idea yang bukan sekadar imaginasi kosong tetapi mengandungi maklumat, mesej mahupun pengajaran yang mampu diperoleh sekiranya ditafsir secara mendalam. Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui bait-bait yang terdapat dalam lirik lagu *Si Pintar* daripada album *Pekaka Bercerita*. Lirik lagu ini dilihat sarat dengan ilmu pengetahuan untuk mendidik kanak-kanak dalam meniti sebuah kehidupan yang sempurna. Contohnya boleh dilihat berdasarkan kepada bait berikut:

Biring keluar rumah dan berkata
Wahai jalak yang kuat, tangkas dan garang
dan bongkak
Kamu melawan diri sendiri
Saya sengaja letakkan cermin di sini
Jalak malu dengan kebodohan diri
(Normaliza Abd Rahim, 2014)

Menerusi lirik lagu yang bertunjukkan kepada cerita lagenda tersebut, pendidikan atau pengajaran yang diperoleh oleh kanak-kanak ialah jangan bersifat sombong dan angkuh dengan apa yang dimiliki oleh diri sendiri. Ini kerana, sifat ini hanya akan membuatkan rasa kagum dan hormat masyarakat sekeliling terhadap diri kita akan hilang dengan sekelip mata meskipun pada pandangan kasarnya kita mungkin merupakan orang yang berpengaruh. Selanjutnya, sifat sombong dan angkuh ini hanya akan memakan diri sendiri jika tidak dikawal dengan baik. Dengan adanya lirik yang positif seperti ini, kanak-kanak secara tidak langsung akan lebih mengetahui betapa pentingnya untuk mengamalkan sifat rendah diri dalam kehidupan seharian. Sifat ini bukan sahaja dapat menyenangkan hati orang lain bahkan turut membantu diri sendiri untuk lebih disayangi oleh masyarakat sekeliling. Dalam konteks ini, kanak-kanak dapat mengambil

iktibar dan boleh dijadikan pengajaran dan pendidikan dalam diri mereka untuk tidak angkuh dan bersikap bodoh sombong dengan kelebihan diri yang ada. Aspek yang mendidik moral kanak-kanak ini dilihat sejajar dengan kenyataan yang ditegaskan oleh Hashim Awang (2002) dalam teorinya yang menegaskan bahawa nilai moral adalah suatu bentuk kelakuan yang merupakan asas kepada kehidupan sosial masyarakat yang berbudaya. Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2014) juga menyebut bahawa sifat tidak sombong dan dan angkuh adalah perlakuan yang baik, positif, bermutu dan berkualiti sama ada dalam pemikiran, tingkah laku atau perbuatan, terhadap masyarakat dan juga agama yang mengandungi unsur kebenaran, kejujuran dan tidak mencemarkan budaya masyarakat. Malah, pendapat ini turut dipersetujui oleh Arbaie Sujud, Normaliza Abd Rahim & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2014) yang menyatakan bahawa kompilasi cerita-cerita binatang ini dapat membantu minda kanak-kanak untuk menjadi lebih positif dan efektif.

Seterusnya bait-bait yang terdapat dalam lirik lagu *Si Pintar* ini juga dilihat sebagai medium hiburan kepada kanak-kanak. Manusia telah dianugerahkan fikiran dan perasaan oleh penciptanya. Berikutan hal itu, manusia sangat memerlukan media yang dapat mencetuskan kesenangan dan kesejahteraan kepada mereka. Berikutan dengan hal itu, lirik lagu merupakan salah satu medium yang memenuhi tuntutan dan keperluan tersebut terutamanya dalam masyarakat khususnya kepada kanak-kanak. Perkara ini sejajar dengan pendapat yang diutarakan oleh Normaliza Abd Rahim (2014b) yang menyatakan bahawa perubahan emosi seseorang boleh dipengaruhi oleh lirik lagu yang diperdengarkan. Namun, perubahan emosi tersebut adalah berbeza antara seseorang dengan seseorang yang lain (Normaliza Abd Rahim, Siti Nur Aliaa Roslan & Nur Maisarah Roslan, 2015). Oleh itu, hiburan merupakan salah satu dimensi yang boleh mengubah emosi seseorang. Dalam konteks ini, hiburan merujuk kepada sesuatu yang dapat menimbulkan kesenangan, merehatkan minda dan kesejahteraan emosi.

Dalam konteks kanak-kanak, lirik lagu sebagai hiburan dikesan menerusi bait lirik lagu *Si Pintar* yang berikut:

Jalak melompat, ayam itu melompat
 Jalak menerkam, ayam itu menerkam
 Jalak berundur sedikit, ayam itu berundur
 Jalak pun marah kerana dipermainkan
 Jalak keletihan dan terkulai keletihan
 Ayam itu juga keletihan dan terkulai keletihan

(Normaliza Abd Rahim, 2014)

Menerusi gambaran cerita dalam lagu *Si Pintar* tersebut jelas memperlihatkan kelucuan yang terdapat pada watak Jalak, iaitu seekor ayam jantan yang telah terkena tipu helah Biring. Biring yang memegang watak sebagai seekor ayam jantan yang baik dan disukai ramai kerana sikapnya yang tidak berlagak dan angkuh seperti Jalak. Kelakuan Jalak yang melompat, mengundur dan menerkam kerana terikut-ikut gerak-geri dirinya sendiri yang terdapat dalam cermin sedangkan gerak geri yang diikuti itu adalah gerak geri dari dirinya sendiri. Hal ini telah menimbulkan kelucuan kepada pendengar. Bait-bait yang berunsurkan kelucuan ini sahaja secara tidak langsung dapat memancing minat kanak-kanak untuk terus menghayati mesej-mesej yang cuba disampaikan oleh penulis lirik dengan lebih fokus. Hal ini selaras dengan pendapat Misran Rokimin (2005) yang menyatakan bahawa kaedah menampilkan nilai kebodohan pada watak dalam karya sastera seringkali dilihat lebih berkesan dalam menyempurnakan penyampaian amanat kepada para pendengar di samping turut menghiburkan para pendengar. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa cerita jenaka berperanan sebagai medium hiburan utama kepada kanak-kanak. Selain itu, lirik lagu yang berunsurkan jenaka ini juga bertindak sebagai agen yang mendidik minda dan kelakuan kanak-kanak. Kenyataan Misran Rokimin (2005) ini dilihat sangat wajar dengan dimensi yang digaris oleh Hashim Awang (2002) dalam teorinya yang menyatakan bahawa keindahan luaran dalam sesebuah karya seni yang menghiburkan boleh dilihat dari aspek bentuk visual dan penggunaan gaya bahasa manakala keindahan dalaman

merujuk kepada aspek falsafah pemikiran dan mesej yang dibawa dalam sesuatu karya.

Seterusnya lirik lagu *Si Pintar* ini juga berperanan sebagai medium untuk mendidik kanak-kanak bagi mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian mereka. Nilai murni merupakan unsur yang baik dan positif, bermutu dan berkualiti sama ada dalam pemikiran, tingkah laku atau perbuatan, kemasyarakatan atau bidang keagamaan yang mengandungi unsur kebenaran, kejujuran dan tidak mencemarkan budaya masyarakat Melayu (Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim, 2014). Perkara ini juga dinyatakan oleh Rohaidah Kamaruddin (2015) yang menjelaskan bahawa cerita kanak-kanak yang diperdengarkan secara tidak langsung dapat membentuk kanak-kanak agar mempunyai akhlak yang tinggi serta tidak melakukan perkara yang akan merosakkan diri pada masa hadapan. Oleh hal yang demikian, citra nilai murni sangat sehati dalam pengarang lirik lagu dalam album *Pekaka Bercerita* ini khususnya bagi lirik lagu *Si Pintar* kepada golongan kanak-kanak. Selain itu, bait-bait dalam lirik ini sama sekali tidak terkeluar daripada pandangan masyarakat. Ruang lingkupnya masih berpaksikan alam, lingkungan adat, cara hidup dan budaya masyarakat yang mendasarinya. Nilai murni yang bersifat sedikit ke hadapan dan bersifat futuristik dilihat masih lagi dalam ikatan batas kelaziman berfikir bangsa Melayu. Hal ini perlu ditekankan kerana seni itu umpama pancaran masyarakat yang mendukungnya. Malah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2014) turut menegaskan bahawa nilai-nilai murni dalam sastera harus diperbanyakkan kerana melalui karya-karya yang dekat dengan golongan sasaran inilah mereka mudah untuk memahami dan mendalami hakikat sebenar dalam sebuah kehidupan.

Dengan demikian, keterikatan ini wajar juga dijadikan teras kepada segala nilai murni pada masa hadapan supaya elemen hiburan seperti lagu-lagu yang berunsurkan cerita rakyat kepada kanak-kanak ini tidak sekadar bersifat setempat namun lebih global dan universal. Sehubungan

dengan hal itu, nilai murni dalam lagu seperti lagu *Si Pintar* dan *Si Manis dan Kura-kura* ini kepada kanak-kanak sangat penting untuk dijadikan medium perantara untuk mendidik moral kanak-kanak. Sesungguhnya setiap lagu yang berunsurkan cerita rakyat yang didengari oleh kanak-kanak itu berupaya meresapkan idea ke dalam pemikirannya dan akan kekal menjadi ingatan sampai bila-bila. Jika baik olahan citra nilai murni dalam setiap bait lagu-lagu yang berunsurkan cerita rakyat tersebut, nescaya ia mampu membentuk nilai moral yang tinggi kepada generasi kanak-kanak di Malaysia bahkan juga di luar negara. Nilai murni yang terpapar dalam setiap bait-bait dalam lagu yang berunsurkan cerita rakyat itu penting kepada pembentukan moral dan akhlak kanak-kanak. Maka dengan itu, wajarlah usaha yang dilakukan oleh penulis lirik ini, iaitu Normaliza Abd Rahim (2014) ini agar ia tidak tergadai oleh apa-apa unsur yang dapat menghakis keaslian khazanah tinggalan nenek moyang kita. Kegiatan memperkasa dan memantapkan pemaparan nilai murni dalam lagu-lagu yang berunsurkan cerita rakyat di negara ini mestilah berteraskan kepada asas dan teras budaya Melayu serta budaya bangsa kita yang kukuh. Aspek ini boleh dilihat dengan jelas berdasarkan bait *Si Manis dan Kura-kura* di bawah:

Manis berjumpa kura-kura
Sambil tersenyum dia bahagia
Kura-kura pun berkata
Merendah diri, disukai semua
(Normaliza Abd Rahim, 2014)

Berdasarkan petikan cerita tersebut, penulis lirik menggambarkan nilai tolong-menolong di antara kura-kura dan *Si Manis*. Dalam penceritaan ini, penulis lirik menggambarkan nilai tolong-menolong *Si Manis* yang mengalami kesedihan melampau apabila dirinya sering diejek oleh jirannya yang mengatakan bahawa dirinya tidak cantik seperti jirannya itu. Akibat daripada kejadian itu, *Si Manis* telah berada dalam keadaan kesedihan yang melampau. Melihat keadaan itu, kura-kura telah cuba untuk membantu *Si Manis* agar tidak terus berada dalam keadaan

sedemikian. Selanjutnya, melalui bait ini juga penulis lirik menggambarkan nilai tolong-menolong kura-kura yang menunjukkan sikap prihatin kepada Si Manis dengan menasihatinya agar bersabar dengan celaan tersebut melalui frasa yang digunakan oleh penulis lirik, iaitu *merendah diri, disukai semua*. Frasa merendah diri yang digunakan oleh penulis lirik adalah merupakan salah satu daripada simpulan bahasa. Frasa ini jelas menunjukkan bahawa sikap ini sememangnya sangat dituntut dalam kalangan masyarakat yang berbudaya dan bertoleransi tinggi serta telah menjadi amalan turun-temurun. Nilai murni yang diperlihatkan kepada watak kura-kura ini menggambarkan bahawa masyarakat memiliki nilai murni yang positif dalam dirinya. Oleh itu, melalui cerita ini kanak-kanak boleh mencontohi sifat mulia yang diamalkan oleh watak kura-kura itu sendiri yang menjadi rakan yang baik dengan menasihati Si Manis. Di sini, penulis lirik menggambarkan nilai tolong-menolong tentang tindakan kura-kura yang mendamaikan keadaan agar situasi tersebut tidak menjadi lebih keruh. Kanak-kanak boleh mengamalkan nilai murni ini dalam diri dan kehidupan mereka supaya mereka boleh membentuk akhlak yang baik serta dapat menjalankan kehidupan di atas muka bumi ini dengan sempurna.

Penerapan nilai moral yang baik dalam lirik lagu ini merupakan wadah penyampaian paling penting bagi mendedahkan kepada masyarakat bahawa tolong-menolong sangat wajar dilakukan terutama bagi golongan kanak-kanak kerana mereka mudah terpengaruh dengan budaya luar yang meresap dalam diri mereka. Kanak-kanak perlu dididik untuk menjadi manusia yang berguna suatu hari nanti. Oleh itu, pembentukan moral anak-anak wajar diasuh oleh ibu dan bapa sejak usia kecil lagi (Normaliza Abd Rahim, 2014b). Selain itu, Ezzah Afifah Nasrudin & Che Ibrahim Salleh (2015) turut menyebut bahawa moral sebagai satu ajaran atau pegangan yang melibatkan perbuatan baik yang merangkumi tingkah laku ke arah positif serta boleh diterima dalam kalangan masyarakat. Mereka mudah menerima didikan moral andai kata ibu dan bapa mampu membentuk sahsiah diri mereka

dengan baik dan sempurna. Menjurus kepada permasalahan ini, dapat dikatakan bahawa lagu yang berunsurkan cerita rakyat memainkan peranan penting dalam memupuk nilai-nilai murni terutama bagi golongan kanak-kanak ini kerana usia mereka perlu diberi perhatian yang sewajarnya terutama membentuk keperibadian seseorang kanak-kanak tersebut. Hal ini selaras dengan kenyataan Hashim Awang (2002) dalam teorinya yang menggariskan bahawa pendekatan kemasyarakatan ini bertujuan untuk mencari kesejahteraan hidup bermasyarakat dan pengukuhan keimanan dan ketakwaan yang boleh diungkap dan didapati dalam sastera Melayu yang berfungsi khusus dengan membawa perutusan besar untuk mensejahterakan dan membahagiakan umat manusia dan secara tidak langsung meletakkan pendekatan ini sebagai 'sastera untuk masyarakat daripada perspektif Islam'.

Selain itu, lagu-lagu yang berunsurkan cerita rakyat seperti lagu *Si Pintar* dan *Si Manis dan kura-kura* ini juga berperanan sebagai medium untuk menyelesaikan masalah kepada kanak-kanak. Oleh itu, kanak-kanak juga bijak menggunakan akal fikiran untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang berlaku dalam kehidupan yang mereka jalani. Dalam sesebuah karya sastera unsur pendidikan menjadi keutamaan oleh pengarangnya. Kesemua perkara tersebut digambarkan dan diungkapkan melalui seni bahasa. Oleh itu, dalam penciptaan sastera rakyat ataupun lagu yang berintipatikan cerita rakyat di Malaysia misalnya boleh dilihat dengan jelas dan tepat sekali bagaimana kebijaksanaan masyarakat Melayu menggunakan kata-kata yang halus tetapi mempunyai pemikiran yang tajam dalam mengungkapkan unsur pendidikan. Masyarakat Melayu di Malaysia khususnya kanak-kanak yang menjalani sebuah kehidupan dalam satu komuniti yang mengamalkan budaya saling nasihat-menasihati antara satu sama yang lain dengan menggunakan bahasa yang halus, bersahaja dan tidak menyakitkan lantaran itu meninggalkan kesan yang mendalam kepada masyarakat Melayu di sekitarnya. Hal ini dapat dikesan menerusi bait dalam lagu *Si Manis dan Kura-kura* yang berikut.

Manis mula bercerita
 Jirannya si Manja yang selalu berbangga
 Mengata dirinya
 Tidak cantik setiap masa

Lalu, kura-kura mula memberi nasihat
 Jangan pedulikan kata-kata
 Dan cacian si Manja
 Nasihat kura-kura
 Berdiam diri setiap masa
 Kerana perbuatan ini tidak rugi
 Manja tentu malu sendiri

(Normaliza Abd Rahim, 2014)

Oleh itu, jika diperhatikan pengucapan yang diutarakan oleh kura-kura ini sedikit sebanyak membuka minda pendengar bahawa salah satu cara yang berkesan untuk berdepan dengan tohmahan yang tidak berasas daripada golongan masyarakat adalah dengan membiarkan kata-kata atau tohmahan itu berlalu tanpa perlu bersusah payah membalas kembali perbuatan itu. Ini kerana masyarakat Melayu sangat berpegang teguh dengan pepatah lama yang berbunyi *mulut tempayan tidak boleh ditutup*. Meskipun ada nada sinis di situ tetapi bahasa yang digunakan itu masih halus dan tertib. Nasihatnya tidak menyakitkan hati malah memberi kesan yang mendalam sehingga menimbulkan kesedaran kepada Si Manis. Di sini menggambarkan masyarakat Melayu amat menggunakan akal dalam meluahkan kata-kata yang dapat memberi kesan seterusnya dapat membantu masyarakatnya untuk membuat keputusan. Pendapat ini turut disokong oleh Normaliza Abd Rahim (2014a) yang menyatakan bahawa penggunaan lirik lagu yang baik dalam proses pembelajaran di dalam kelas akan membantu pelajar untuk mengekspresikan emosi masing-masing berdasarkan kepada kefahaman mereka terhadap lirik lagu yang diperdengarkan kepada mereka. Hasil kajian oleh Siti Khariah Mohd Zubir, Sara Beden & Mohd Ra'in Shaari (2015) juga menyatakan bahawa melalui aktiviti nyanyian, kanak-kanak boleh melahirkan perasaan masing-masing mengikut teks lirik lagu yang diberikan. Dalam konteks ini, kanak-kanak boleh mempelajari

tindakan paling bijak untuk menyelesaikan sesuatu masalah dalam kehidupan mereka. Keadaan ini jelas menggambarkan bahawa lirik lagu cerita rakyat yang dihaskan untuk kanak-kanak mampu membentuk budaya berfikir yang bijak kepada kanak-kanak.

Selain itu, lirik lagu *Si Pintar* dan lagu *Si Manis dan kura-kura* ini juga berperanan sebagai kritikan sosial dan sindiran. Hal ini kerana, setiap pengolahan lirik lagu yang dikarang oleh penulis lirik ini ternyata mengandungi kritikan sosial dan sindiran yang tersurat dan boleh ditanggapi dan difahami oleh kanak-kanak. Menerusi lagu yang berunsurkan cerita binatang khususnya, pengarang banyak memasukkan nilai moral berdasarkan watak-watak binatang. Apabila memperkatakan tentang nilai moral, maka ia sudah pasti berkait rapat dengan nilai-nilai baik ataupun negatif yang dikhususkan kepada watak dan perwatakan dalam lagu yang berunsurkan kisah binatang tersebut. Oleh hal yang demikian, penulis lirik menggambarkan watak baik dan seumpamanya kepada watak utama dalam lagu untuk menghidupkan jalan cerita yang dikarang. Maka kanak-kanak dapat memahami dan menilai setiap nilai moral yang terkandung dalam cerita binatang untuk dipelajari dalam kehidupan seharian sekiranya nilai tersebut membawakan unsur positif. Hal ini berkaitan dengan sifat-sifat buruk yang cuba ditonjolkan oleh binatang yang sebenarnya mempunyai sindiran atau kritikan secara halus. Sindiran ini disampaikan secara tidak langsung kepada pendengar. Dalam hal yang demikian, kanak-kanak menjadi lebih bijak untuk mengkritik dan membuat sindiran terhadap perbuatan-perbuatan yang negatif sekiranya ia bertentangan dengan nilai kehidupan kanak-kanak. Elemen sindiran ini boleh dilihat berdasarkan bait dalam lirik lagu *Si Pintar* yang berikut.

Biring keluar rumah dan berkata
 Wahai jalak yang kuat, tangkas dan garang
 dan bongkak
 Kamu melawan diri sendiri
 Saya sengaja letakkan cermin di sini
 Jalak malu dengan kebodohan diri

(Normaliza Abd Rahim, 2014)

Menerusi petikan di atas, jelas menggambarkan perbuatan sombong binatang tersebut. Iaitu Jalak bersikap sombong dan tidak pernah sesekali untuk mendengar nasihat daripada kawan-kawan mereka. Oleh itu, kanak-kanak bukan sekadar dapat memahami setiap kisah menerusi cerita binatang ini, malah kanak-kanak boleh membuat penilaian sendiri dengan kritikan dan sindiran terhadap perbuatan negatif ayam tersebut. Ayam tersebut jelas sekali bersifat sombong, maka kanak-kanak sudah pasti menganggap bahawa perubahan tersebut tidak boleh dicontohi dalam kehidupan mereka. Jadi, sindiran dan kritikan sebeginilah yang boleh mempengaruhi minda kanak-kanak untuk merangsang pemikiran mereka untuk membuat penilaian. Dalam konteks ini, kanak-kanak lebih arif untuk menilai sama ada perbuatan baik itu perlu diamalkan dalam kehidupan mereka dan sifat negatif itu perlu di jauhi agar mereka selamat daripada sebarang masalah. Aspek yang mendidik moral kanak-kanak secara sindiran ini dilihat sejajar dengan kenyataan yang ditegaskan oleh Hashim Awang (2002) dalam teorinya yang menegaskan bahawa kaedah sindiran merupakan kaedah yang efektif untuk memberi teguran atau pengajaran kepada pelaku secara berhemah agar tidak menimbulkan persepsi negatif yang boleh merosakkan hubungan dalam konteks kehidupan masyarakat yang berbudaya.

Kesimpulan

Oleh itu, lagu-lagu yang berunsurkan cerita rakyat merupakan satu bahan yang diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi yang seterusnya. Lagu-lagu yang berunsurkan cerita rakyat seperti ini sudah pasti tidak pernah lenyap daripada minda kanak-kanak. Hal ini dikatakan demikian kerana kanak-kanak sememangnya sangat meminati lagu-lagu yang berunsurkan cerita-cerita rakyat yang terdapat di Malaysia. Setiap cerita yang dikarang dan diolah dengan begitu baik sekali mampu menarik minat kanak-kanak untuk membaca dan memahami setiap jalan cerita. Tambahan pula, jalan cerita dihasilkan tersebut penuh dengan pelbagai fungsi bermakna dalam menyampaikan amanat,

mesej, nilai pendidikan dan sebagainya. Dalam konteks ini, maka jelaslah bahawa lagu-lagu yang berunsurkan cerita rakyat seperti lagu Si Pintar dan Si Manis dan Kura-kura yang terdapat di negara kita banyak memberi manfaat kepada kanak-kanak untuk melahirkan generasi yang berdaya saing dan maju pada masa akan datang.

Rujukan

- Abdul Aziz Ismail. (1995). *Membina Minda Dan Peribadi Muslim*. Al-Hidayah Publisher: Kuala Lumpur.
- Abdul Rahim Abdul Rashid. (2001). *Nilai-Nilai Murni dan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Ali Ahmad. (1994). *Pengantar Pengajian Kesasteraan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Arbaie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi dan Asiah Abdul Rahman. (2001). *Sastera Melayu Suatu Pengantar Edisi Baharu*. Tinta Press Sdn. Bhd: Kuala Lumpur.
- Ezzah' Afifah Nasrudin & Che Ibrahim Salleh. (2015). Pemikiran Melayu dalam Cerita Lipur Lara. *Journal of Business and Social Development*. 3(2): 63-79.
- Halimah Badioze Zaman. (1992). *Sastera Kanak-Kanak Pembentukan Pemikiran dan Pemupukan Nilai-Nilai Murni*. Dewan Sastera, hlm. 5.
- Hashim Awang. "Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya". Bengkel Teori Sastera, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Riviera Bay Resort, Melaka pada 28-29 Jun, 2002.
- Hashim Awang. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsipnya* dibentangkan dalam Bengkel Teori Sastera, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka di Riviera Bay Resort, dari 28-29 Jun.
- Hashim Awang. (1997). *Kritikan Kesusasteraan: Teori dan Penulisan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

- Mana Sikana (peny), (1997). *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Mana Sikana. (1990). *Sastera Melayu Moden: Perubahan dan Tamadun*. Penerbitan Karyawan. Bandar Baru Bangi.
- Misran Rokimin (2001). *Pendidikan Moral menerusi Bahan Bacaan Sastera Kanak-kanak*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Mohamad Mokhtar Hassan. (1995). *Sejarah Kritikan Melayu Moden*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Muhammad Haji Salleh. (2000). *Puitika Sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur.
- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden, & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2015). Keintelektualan Pemikiran Melayu dalam Cerita Lipur Lara: Penelitian Awal Berdasarkan Perspektif Pendekatan Pengurusan. *Journal of Business and Social Development*. 3(2): 1-16.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2014). Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-kanak Melalui Nilai Murni. *Journal of Business and Social Development*. 2(2): 74-85.
- Normaliza Abd. Rahim, Sr Siti Nur Aliaa Roslan, & Nur Maisarah Roslan. (2015). *Konflik Emosi dalam Lirik Lagu 'Nipah Oh Nipah'*. Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik & Pembudayaan Bahasa Melayu IX pada 3&4 November 2015.
- Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat. (2014). Awareness of Folklore in Multimedia: Spoken Discourse among Learners. *Technics Technologies Education Management*. 9(2): 352-360
- Normaliza Abd Rahim. (2014a). The Nearly Forgotten Malay Folklore: Shall We Start With The Software? *TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology*. July, 13(3): 216-221.
- Normaliza Abd Rahim .(2014b). Perception on the Animal Fable 'Bird of Paradise' Song. *Asian Social Science Journal*. October, 10(19): 17-23.
- Othman Puteh & Aripin Said. (1995). *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Rohaidah Kamaruddin. (2015). *Nilai Murni dan Pengajaran dalam Sang Kancil*. Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik & Pembudayaan Bahasa Melayu IX pada 3&4 November 2015.
- Siti Khariah Mohd Zubir & Mohd Ra'in Shaari. (2015). Pengajaran Tatabahasa: Penjodoh Bilangan dalam Lagu. Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik & Pembudayaan Bahasa Melayu IX pada 3&4 November 2015.
- Siti Noor Riha Sulong & Normaliza Abd Rahim. (2015). Language Register in the Song Lyrics.
- 'The Brilliant Judge'. *Journal of Business and Social Development*. 3(2): 103-113.